



Ruj. Kami : JPT(BKPA)1000/100/011/13 Jld. 33 (44)
Tarikh : 12 Mac 2020

SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN AWAL PEMBATALAN PELAKSANAAN JOM MASUK IPT 2020

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Pusat adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang menganjurkan program Jom Masuk IPT Tahun 2020 bermula pada bulan Februari hingga Mac 2020 melibatkan lapan (8) lokasi seluruh negara. Objektif karnival ini bertujuan mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Institut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Matrikulasi (KM), Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), institusi lain dan IPTS kepada pengunjung karnival yang terdiri daripada pelajar sekolah, guru, ibu bapa serta masyarakat setempat.


3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, KPT mengambil maklum akan status berkaitan wabak COVID-19. KPT mengambil keputusan untuk **membatalkan semua program Jom Masuk IPT 2020 bagi 4 zon yang akan datang iaitu di lokasi Perak, Terengganu, Sarawak dan Selangor** kerana mengambilkira keselamatan pegawai kerajaan dan masyarakat umum. Ini selaras dengan saranan dari Kementerian Kesihatan, iaitu semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(WAHI BIN NORDIN)

Pengarah

Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi